

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN  
(KOTA BAHRU)**

**TARIKH : 9 NOV 2016  
(RABU)**

**SOALAN:**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sejauh manakah sambutan terhadap PLKN apabila kaedah pengambilannya ditukar pemilihan secara rambang kepada pengambilan secara sukarela.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Sambutan terhadap Program Latihan Khidmat Negara (PLKN 2.0) adalah amat memberangsangkan di mana sejumlah 30,079 permohonan diterima melalui pemilihan secara sukarela oleh pihak sekolah dan juga secara atas talian. Daripada jumlah berkenaan, hanya 20,667 permohonan sahaja yang diterima berdasarkan kuota pengambilan bagi Siri 13/2016.